

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

2. Adakah Jabatan Perumahan Kerajaan Negeri akan terus menyelenggara / memperbaiki rumah pangsa Padang Tembak terutamanya masalah seperti kebocoran?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Pada masa ini, kerja menyelenggara dan memperbaiki bangunan rumah pangsa Padang Tembak masih dijalankan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandangkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) masih belum ditubuhkan di skim perumahan tersebut. Bidang kuasa dan skop kerja-kerja yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 yang digubal dibawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].

Berkaitan masalah kebocoran, Perkara 61 peraturan tersebut dengan jelas menetapkan bahawa pembeli, pemunya atau pemilik petak bertanggungjawab membaiki kebocoran antara tingkat yang disebabkan oleh petak masing-masing. Manakala Perkara 62 menetapkan bahawa JMB atau MC bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja tersebut sekiranya kebocoran antara tingkat dikenal pasti berpunca daripada harta bersama atau harta bersama terhad.

Meski pun begitu, Bahagian Perumahan akan terus menjalankan tanggungjawab memperbaiki apa-apa kebocoran antara tingkat yang berlaku di 449 unit kediaman yang masih dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Unit-unit ini terdiri daripada 184 unit di Blok E dan 265 unit di Blok J yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk disewa oleh warga Pulau Pinang berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan.

Selain daripada kebocoran, untuk maklumat sejak tahun 2010, sebanyak RM7,649,376.62 telah dibelanjakan dalam menyelenggarakan rumah pangsa Padang Tembak, iaitu untuk kerja-kerja awam, elektrik dan mekanikal dan ini termasuk penaiktarafan Blok E dan J pada kos sebanyak RM1,011,240.00 yang dilaksanakan pada tahun 2017.